

MODUL INTENSIF UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK
BAHASA MELAYU
MODUL 17

Bahagian A
[10 markah]

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Penduduk kampung sedang mengadakan mesyuarat di _____.
- A. hari raya
 - B. balai raya
 - C. pasar raya
 - D. lebuhraya

[1 markah]

2. Adik sukar untuk _____ makanan kerana tekaknya sakit.
- A. menelan
 - B. menghidu
 - C. menggigit
 - D. mengunyah

[1 markah]

Pilih ayat yang betul.

3. A. Budak itu berlari sangat laju seperti singa.
B. Dia takut akan kawannya yang garang seperti kuda.
C. Kotak yang berat seperti lidi itu tidak dapat diangkatnya.
D. Erma dipuji oleh gurunya kerana dia rajin seperti semut.

[1 markah]

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Waktu persekolahan sudah tamat. Seperti biasa, Sufian akan pulang ke rumahnya dengan menaiki bas sekolah. Sementara menunggu ketibaan bas, Sufian duduk di perhentian bas kerana tempat itu selamat. Dia tidak berdiri di tepi jalan raya kerana keadaan lalu lintas amat sibuk.

Sufian sangat mementingkan keselamatan dirinya. Di sentiasa ingat akan pesanan ibu bapanya. Dia dinasihati oleh mereka supaya tidak berebut-rebut ketika menaiki bas. Sebelum menaiki bas, dia perlu memastikan bahawa bas betul-betul telah berhenti. Semasa turun dari bas pula, dia dilarang tolak-menolak agar tidak terjatuh.

4. Sufian pulang dari sekolah dengan menaiki apa?
- A. bas
 - B. kereta
 - C. basikal
 - D. motosikal

[1 markah]

5. Mengapakah Sufian menunggu bas sekolah di perhentian bas?

- A. Tempat itu sibuk.
- B. Tempat itu selesa.
- C. Tempat itu sunyi.
- D. Tempat itu selamat.

[1 markah]

6. Yang berikut ialah pesanan ibu bapa Sufian kepada Sufian berdasarkan petikan *kecuali*.

- A. tidak berebut-rebut semasa menaiki bas.
- B. tidak tolak-menolak semasa turun dari bas.
- C. menaiki bas setelah bas betul-betul berhenti.
- D. berdiri di tepi jalan raya semasa menunggu bas.

[1 markah]

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Faedah Permainan Tradisional

- 1. mengisi masa lapang kanak-kanak
- 2. melatih *kemampuan* berfikir kanak-kanak
- 3. mencungkil kreativiti kanak-kanak
- 4. melatih kanak-kanak mengawal emosi

Jenis-jenis Permainan: Tradisional

- gasing
- congkak
- dam aji
- galah panjang
- konda kondi

BAHAN 2

Haris dan adiknya, Haikal suka bermain permainan tradisional. Haris suka bermain galah panjang manakala Haikal gemar bermain congkak. Mereka sering bermain permainan itu pada masa lapang.

Haris suka bermain galah panjang kerana permainan itu dimainkan secara berpasukan. Dalam permainan itu, pemain perlu cergas dan pantas untuk mencapai kemenangan. Haikal pula suka bermain congkak kerana permainan itu menguji kemampuannya untuk berfikir.

7. Haris suka bermain galah panjang manakala Haikal gemar bermain congkak.

Penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris dalam ayat di atas ialah...

- A. laras
- B. bilah
- C. batang
- D. tangkai

[1 markah]

8. Mengapakah Haikal suka bermain congkak?
- A. Permainan itu menjadikannya cergas.
 - B. Permainan itu dimainkan secara berpasukan.
 - C. Permainan itu menguji kemampuan berfikir.
 - D. Permainan itu memerlukan pemain yang cergas.

[1 markah]

9. Perkataan *kemampuan* yang terdapat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan...
- A. kemahuan
 - B. kebolehan
 - C. kecekapan
 - D. kepentingan

[1 markah]

10. Pilih pernyataan yang benar tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2**.
- A. Konda kondi bukan sejenis permainan tradisional.
 - B. Permainan galah panjang dimainkan secara berpasukan.
 - C. Haris gemar bermain congkak dengan kawan-kawannya.
 - D. Permainan congkak tidak dapat menguji kemampuan berfikir seseorang.

[1 markah]

Bahagian B
[10 markah]

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Cuaca pada petang itu sangat panas. Chin Kwan menonton televisyen di ruang tamu rumah setelah menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh gurunya. Tiba-tiba, dia terdengar namanya dipanggil seseorang. Dia segera melihat melalui tingkap di rumahnya.

Chin Kwan ternampak kawannya, Aizat sedang berdiri di luar pagar rumahnya. Aizat mengajak Chin Kwan bermain bola sepak di padang. Chin Kwan menolak ajakan tersebut. Dia telah dilarang oleh ibunya bermain di tengah panas. Ibunya bimbang dia akan terkena strok haba.

1. (a) Aizat mahu mengajak Chin Kwan bermain _____.

[1 markah]

- (b) Mengapakah Chin Kwan menolak ajakan Aizat?

- A. Dia dilarang oleh ibu bermain bola sepak.
- B. Dia dilarang oleh ibunya bermain dengan Aizat.
- C. Dia dilarang oleh ibunya bermain di tengah panas.
- D. Dia dilarang oleh ibunya bermain bola sepak di padang.

[2 markah]

(c) Bulatkan kata penguat yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Cuaca pada petang itu sangat panas.

[1 markah]

(d) Pilih dan tulis (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Chin Kwan menonton televisyen di ruang tamu rumah setelah menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh gurunya.

Setelah menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh gurunya, Chin Kwan menonton televisyen di ruang tamu rumah.	
Chin Kwan menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh gurunya setelah menonton televisyen di ruang tamu rumah.	

[1 markah]

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut. Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

2.

Kumal mahu bermain bola sepak di padang. Namun begitu, kasutnya koyak dan tapak kasutnya berlubang. Dia tetap bermain bola sepak dengan memakai kasut tersebut.

Berdasarkan situasi di atas, apakah yang mungkin akan terjadi? Ramalkan.

- ☐ Kaki Kumal akan tercedera semasa bermain bola sepak kerana terpijak batu atau benda yang tajam.
- ☐ Kumal akan dipuji oleh kawan-kawannya kerana sangat berani.

[5 markah]

Bahagian C
[10 markah]

*Gambar di bawah menunjukkan aktiviti yang dilakukan bersama-sama keluarga.
Tulis pendapat kamu tentang faedah melakukan aktiviti bersama-sama keluarga.
Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.
Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.*



Panduan:


- kita perlu melakukan aktiviti bersama-sama keluarga – amalan ini sangat berfaedah
- amalan makan bersama-sama keluarga – mengeratkan hubungan kekeluargaan
- dapat meringankan beban keluarga dengan melakukan kerja rumah bersama-sama
- akan berasa lebih gembira – beriadah bersama-sama keluarga

[10 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau tidak berformat.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Berkelah di Pantai



1. Tulis cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2. Tulis surat kiriman tidak rasmi berdasarkan gambar di atas.

Panduan:

Pendahuluan:

- minggu lalu – berkelah di pantai teluk batik
- pergi ke sana – menaiki kereta

Isi 1:

- melakukan pelbagai aktiviti yang menyeronokkan
- bermandi-manda di laut

Isi 2:

- selepas puas mandi di laut – bermain bola di pantai
- membina istana pasir

Isi 3:

- apabila berasa penat – makan bekalan – disediakan oleh ibu
- setelah makan – bersiar-siar di pantai

Penutup:

- sungguh gembira – dapat berkelah di pantai bersama keluarganya